

**VARIASI DAN PERUBAHAN DALAM AMALAN  
PERKAHWINAN KOMUNITI SINOBU,  
SUKANG DAN RUMANAU DI ULU  
KINABATANGAN, SABAH**

**RONNIE STEFHANNIE NASIRIN**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH  
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN  
WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2018**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

**JUDUL: VARIASI DAN PERUBAHAN DALAM AMALAN PERKAHWINAN KOMUNITI SINOBU, SUKANG DAN RUMANAU DI ULU KINABATANGAN, SABAH**

**IJAZAH: SARJANA SASTERA (SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL)**

Saya **RONNIE STEFHANNIE NASIRIN**, Sesi pengajian **2013-2018**, mengaku membenarkan tesis Ijazah Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/


TIDAK TERHAD



**RONNIE STEFHANNIE NASIRIN**  
**MA1221013T**

Tarikh: 14 Februari 2018

Disahkan Oleh,  
**NURULAIN BINTI ISMAIL**  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(Tandatangan Pustakawan)




Dr. Paili Porodong  
Penyelia

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14 FEBRUARI 2018



Ronnie Stefhannie Nasirin

MA1221013T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

**NAMA : RONNIE STEFHANNIE NASIRIN**

**NO. MATRIK : MA1221013T**

**TAJUK : VARIASI DAN PERUBAHAN DALAM AMALAN  
PERKAHWINAN KOMUNITI SINOBU, SUKANG DAN  
RUMANAU DI ULU KINABATANGAN, SABAH**

**IJAZAH : SARJANA SASTERA (SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI  
SOSIAL)**

**TARIKH VIVA : 30 OGOS 2017**

**1.**

**PENYELIA**

Dr. Paul Porodong



**DISAHKAN OLEH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Ronnie Stefhannie Nasirin', written over a horizontal line.

## PENGHARGAAN

Bersyukur atas keberkatan Tuhan kerana menganugerahkan kekuatan fizikal dan mental kepada saya untuk menyiapkan kajian dan penulisan ini. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama.

Terlebih dahulu, saya ingin memberikan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (MyBrain) yang telah menjadi penaja pengajian saya.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Paul Porodong yang banyak membantu, memberi teguran, nasihat, pandangan serta bimbingan yang amat berguna sehingga terhasilnya penulisan ini.

Ucapan ribuan terima kasih di atas kerjasama serta penerimaan daripada Ketua Anak Negeri Tongod yang juga merupakan Pengerusi Persatuan Kaum Sukang iaitu Panglima Ahloi Lian, Pengerusi Persatuan Rumanau Leboh iaitu En. Ongkulong Karan, ketua-ketua kampung, pengerusi JKKK dan juga semua responden serta penduduk di Kg. Kiliwatong, Kg. Entilibon Asal dan Kg. Minusoh. Saya juga ingin memberikan penghargaan khas kepada Pn. Elizabeth Ali dan keluarga (Kg. Kiliwatong), Panglima Ahloi Lian dan keluarga, En. Beeliy dan keluarga (Kg. Entilibon Asal) dan En Patrick dan keluarga (Kg. Minusoh) kerana menerima saya menginap di rumah mereka sepanjang menjalankan kajian lapangan dan pengumpulan data. Semoga Tuhan melimpahkan keberkatan dan hanya Tuhan sahaja yang mampu untuk membalas budi kalian.

Istimewa buat ibu bapa saya, En. Nasirin Gunting dan Pn. Joiti @ Mariana Lambun dan semua adik-beradik saya iaitu Zenno, Judy, Ridder, Jackson, Roger, Erica dan Jack, ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga atas doa, bimbingan, nasihat, dorongan, bantuan kewangan dan juga sokongan sepanjang saya dalam pengajian. Jasa kalian tidak akan saya lupakan.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan iaitu Nursyafiq, Suzanah, Norsyamsiah, Clarice, Fuyuko, Juhana, Afifah dan Aloysius di atas perkongsian ilmu selama dalam pengajian. Seterusnya kepada rakan-rakan yang banyak membantu iaitu Jelina, Anita, Rona, Sherra, Vezlyn dan Lestalia.


Tidak lupa kepada sahabat saya, Iyann De Bryann yang banyak membantu, memberi sokongan serta semangat kepada saya untuk menyiapkan penulisan dan pengajian saya. Terima kasih.

RONNIE STEFHANNIE NASIRIN

31 DISEMBER 2017

## ABSTRAK

Perkahwinan merupakan salah satu kebudayaan yang diamalkan oleh semua masyarakat di dunia dan setiap masyarakatnya pula mempunyai cara pengamalan perkahwinan yang tersendiri. Kajian ini adalah berkenaan amalan perkahwinan oleh tiga buah komuniti iaitu Sinobu, Sukang dan Rumanau di Ulu Kinabatangan yang terletak di Daerah Tongod, Sabah. Terdapat dua tujuan utama kajian ini. Pertama adalah untuk mengetahui variasi dalam amalan perkahwinan tradisional dan perubahannya dalam ketiga-tiga komuniti ini. Kedua, memahami faktor kepada perubahan yang berlaku dalam amalan perkahwinan komuniti-komuniti ini. Data kajian diperolehi melalui pendekatan etnografi yang mana melibatkan kaedah pemerhatian turut serta dan temubual secara mendalam yang dilakukan terhadap 39 orang responden yang dipilih. Sementara data sekunder pula diperolehi melalui kajian perpustakaan. Kajian ini mendapati bahawa terdapat variasi dan perubahan yang terdapat dalam amalan perkahwinan komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau yang dapat dilihat melalui bentuk pemilihan pasangan, amalan berian, proses perkahwinan dan bentuk petempatan selepas kahwin. Terdapat tujuh faktor kepada perubahan dalam amalan perkahwinan iaitu pengaruh agama (Kristian), perkahwinan dengan masyarakat luar Daerah Tongod, perubahan bentuk ekonomi, perkembangan dan peningkatan tahap pendidikan, pengaruh teknologi komunikasi dan media massa, migrasi serta kekangan masa dan kos perbelanjaan. Kajian ini juga mendapati bahawa komuniti yang berbeza tetapi tinggal di ekologi yang sama menggalakkan perkongsian budaya menyebabkan mereka mempunyai persamaan dalam pengamalan budaya.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

### **VARIATION AND CHANGES IN MARRIAGE PRACTICES BY SINOBU, SUKANG AND RUMANAU COMMUNITIES AT ULU KINABATANGAN IN TONGOD DISTRICT, SABAH**

*Marriage is one of the cultural practiced by all communities in the world and each community has their own implementation on marriage practicing. This study examines the marriage practices by Sinobu, Sukang and Rumanau communities at Ulu Kinabatangan in Tongod District, Sabah. This study has two main objective. First, to know the variation of traditional marriage practices and the changes in these three communities. Second, to understand the changes factor in marriage practices by these communities. The research data is obtained by using ethnographic approach involves participant observation and in-depth interviews with 39 selected respondents. While secondary data were obtained through library study. This study found that there were variations and changes in the Sinobu, Sukang and Rumanau communities's marriage practices that can be seen through form of mate choice, bride wealth, marriage processes and residence rules after married. There are seven factors drives to the changes in marriage practices which is influence of religion (Christianity), marriage with the society outside of Tongod District, changes in form of economy, development and improvement of education level, influence of communication technology and mass media, migration and time constraints and cost. This study also found that the different community living in the same ecological encourages cultural sharing and this drives them to have the similarities in culture implementation.*

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI FOTO</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN/SIMBOL</b>	xviii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Soalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Skop Kajian	4
1.5.1 Bidang Kajian	4
1.5.2 Skop Penyelidikan	4
1.5.3 Lokasi Kajian	5
1.5.4 Populasi Kajian	7
1.6 Metodologi Kajian	7
1.6.1 Pemerhatian Turut Serta	8



1.6.2	Temubual	11
1.6.3	Kajian Perpustakaan	18
1.7	Sumbangan dan Kepentingan Kajian	19
1.8	Limitasi Kajian	21

## **BAB 2: TINJAUAN KONSEP-KONSEP UTAMA, TEORI DAN SOROTAN KAJIAN LEPAS**

2.1	Pengenalan	23
2.2	Takrifan Konsep-konsep Utama Kajian	23
2.2.1	Kebudayaan dan Variasi	23
2.2.2	Perkahwinan	24
2.2.3	Perubahan	27
2.3	Teori-teori Perubahan Budaya	28
2.4	Kajian Terhadap Perkahwinan dan Perubahan Dalam Budaya Perkahwinan	34
2.5	Kesimpulan	44

## **BAB 3: KOMUNITI SINOBU, SUKANG DAN RUMANAU DI ULU KINABATANGAN**

3.1	Pengenalan	45
3.2	Amalan Kepercayaan Tradisional	51
3.2.1	<i>World View</i>	51
3.2.2	Upacara Tradisional	54
3.3	Komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau di Kawasan Kajian	55
3.3.1	Komuniti Sinobu di Kg. Kiliwatong	55
3.3.2	Komuniti Sukang di Kg. Entilibon Asal	60
3.3.3	Komuniti Rumanau di Kg. Minusoh	63
3.4	Institusi Ekonomi	69
3.4.1	Pertanian	69

3.4.2	Penternakan	82
3.4.3	Tanaman Komersial	83
3.4.4	Perkhidmatan Sektor Awam dan Swasta	85
3.5	Organisasi Sosial	85
3.5.1	Struktur Kepimpinan	85
3.6	Amalan Adat Istiadat	86
3.7	Kesimpulan	99

#### **BAB 4: VARIASI AMALAN PERKAHWINAN TRADISIONAL DAN PERUBAHANNYA DALAM KOMUNITI SINOBU, SUKANG DAN RUMANAU**

4.1	Pengenalan	101
4.2	Konsep Perkahwinan Komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	102
4.3	Bentuk Pemilihan Pasangan	103
4.3.1	Bentuk Pemilihan Pasangan Dalam Perkahwinan Tradisional Komuniti Sinobu dan Sukang	104
4.3.2	Bentuk Pemilihan Pasangan Dalam Perkahwinan Tradisional Komuniti Rumanau	108
4.3.3	Perubahan Dalam Bentuk Pemilihan Pasangan Komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	111
4.4	Bentuk Perkahwinan	114
4.4.1	Bentuk Perkahwinan Tradisional Komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	114
4.4.2	Perubahan Dalam Bentuk Perkahwinan Komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	115
4.5	Amalan Berian	116
4.5.1	Amalan Berian Dalam Perkahwinan Tradisional Komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	116
4.5.2	Perubahan Dalam Amalan Berian Komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	121

4.6	Peringkat dan Proses Perkahwinan Tradisional	126
4.6.1	Bermimpi ( <i>mongupian</i> )	126
4.6.2	Merisik ( <i>mangantar katarangan, mongoduat, mongilo-ilo</i> )	128
4.6.3	Mengikat Janji ( <i>mitimbagos</i> )	133
4.6.4	Meminang ( <i>mongilug, momogong</i> )	134
4.6.5	Mengira Jumlah dan Nilai Berian ( <i>mongorikin, mongiliw di' barang, tumudung</i> )	142
4.6.6	Malam Berjaga ( <i>monulau, mongorukou</i> )	144
4.6.7	Hari Perkahwinan ( <i>kumawin, miromut</i> )	145
4.6.8	Kunjungan Ke Rumah Pengantin Lelaki ( <i>lumisiw, tumopuli, lumumpatiw</i> )	157
4.6.9	Proses Perkahwinan Pada Masa Sekarang	158
4.7	Petempatan Selepas Kahwin	166
4.7.1	Petempatan Selepas Kahwin Dalam Amalan Perkahwinan Tradisional	166
4.7.2	Perubahan Petempatan Selepas Kahwin Dalam Amalan Perkahwinan Pada Masa Sekarang	168
4.8	Kesimpulan	169
<b>BAB 5: FAKTOR KEPADA PERUBAHAN AMALAN PERKAHWINAN KOMUNITI SINOBU, SUKANG DAN RUMANAU</b>		
5.1	Pengenalan	171
5.2	Pengaruh Agama	171
5.2.1	Sejarah Penyebaran Agama Kristian di Daerah Tongod	171
5.2.2	Ajaran dalam Agama Kristian	176
5.2.3	Pengaruh Agama Kristian dalam Amalan Perkahwinan	177
5.3	Perkahwinan Dengan Masyarakat di Luar Daerah Tongod	180
5.4	Perubahan Bentuk Ekonomi	182
5.5	Perkembangan dan Peningkatan Tahap Pendidikan	186

5.6	Pengaruh Teknologi Komunikasi dan Media Massa	189
5.7	Migrasi	192
5.8	Kekangan Masa dan Kos Perbelanjaan	196
5.9	Kesimpulan	197

## **BAB 6: KESIMPULAN**

6.1	Pengenalan	199
6.2	Rumusan	199
6.3	Usaha Memelihara dan Memulihara Amalan Tradisional Komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	206
6.4	Cadangan	207
6.5	Kesimpulan	208

## **BIBLIOGRAFI**

210

## **LAMPIRAN**

216



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Jumlah responden yang ditemubual mengikut komuniti dan kategori responden	12
Jadual 3.1: Jadual kerja dan pembahagian kerja dalam pertanian pindah di Kg. Minusoh	71
Jadual 3.2: Perbandingan Kitaran Kerja Pertanian Pindah antara penduduk di Langga-Inarad (Langga <i>type</i> ) dan penduduk di Kg. Minusoh (Minusoh <i>Type</i> )	80
Jadual 3.3 Jenis kesalahan dan hukuman yang dikenakan dalam komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	92
Jadual 3.4: Hukuman yang dikenakan terhadap pesalah dalam Situasi 1	97
Jadual 3.5: Hukuman yang dikenakan terhadap pesalah dalam Situasi 2	98
Jadual 4.1: Bentuk pemilihan pasangan komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	104
Jadual 4.2: Hukuman yang dikenakan bagi pasangan yang merupakan sepupu ketiga atau <i>pinsan intalu</i>	106
Jadual 4.3: Bentuk pemilihan pasangan oleh responden (golongan senior) dalam komuniti Sinobu dan Sukang	107
Jadual 4.4: Bentuk pemilihan pasangan oleh responden (golongan muda) dalam komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	112
Jadual 4.5: Cara pemilihan pasangan dalam kalangan responden (generasi muda) komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	114
Jadual 4.6: Berian dalam perkahwinan komuniti Sinobu pada masa sekarang	123
Jadual 4.7: Berian bagi janda atau balu dalam komuniti Sinobu	124

Jadual 4.8:	Hukuman bagi kesalahan seks luar nikah (menyebabkan kehamilan)	140
Jadual 4.9:	Jumlah responden generasi muda yang masih melangsungkan perkahwinan di rumah pengantin lelaki	166
Jadual 5.1:	Bilangan responden generasi muda yang memakai pakaian tradisional semasa majlis perkahwinan dilangsungkan	191



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Kedudukan Daerah Tongod di Sabah	6
Rajah 3.1: Kedudukan Kawasan Kajian di Daerah Tongod, Sabah	46
Rajah 3.2: Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan pesalah dan tahap kecederaan yang dialami mangsa	89
Rajah 3.3: Situasi yang selalunya terjadi dan mengakibatkan keretakan rumahtangga	95
Rajah 4.1: Sub-etnik dalam komuniti Rumanau	109



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## SENARAI FOTO

	Halaman	
Foto 1.1:	Penyeldik bersama-sama dengan keluarga En. Patrick di Kg. Minusoh	9
Foto 1.2:	Penyelidik bersama dengan keluarga En. Beeliy Julbee di Kg. Entilibon Asal	9
Foto 1.3:	Penduduk kampung menyediakan makanan sebagai persediaan untuk majlis perkahwinan	10
Foto 1.4:	Pengkaji sedang melakukan tembual bersama dengan Pn. Ilo (81 tahun) dan Pn. Lutap Singoh menjadi penterjemah	15
Foto 1.5:	Antara responden yang ditemubual (komuniti Sinobu) di Kg. Kiliwatong	16
Foto 1.6:	Pengkaji sedang menemubual En. James Kasoi iaitu Ketua Kampung Kg. Minusoh	17
Foto 3.1:	Perkampungan berhampiran dengan Pekan Tongod	47
Foto 3.2:	Komuniti Sinobu dengan pakaian tradisional	56
Foto 3.3:	Kawasan perumahan penduduk di Kg. Kiliwatong	57
Foto 3.4:	Sebahagian kawasan petempatan penduduk di Kg. Kiliwatong	58
Foto 3.5:	Jambatan gantung yang dibina menghubungkan penduduk kampung dengan kawasan pertanian yang terdapat seberang sungai	59
Foto 3.6:	Komuniti Sukang dengan pakaian tradisional	61
Foto 3.7:	Sebahagian kawasan petempatan komuniti Sukang di Kg. Entilibon Asal	62
Foto 3.8:	Komuniti Rumanau dengan pakaian tradisional	64



Foto 3.9:	Kawasan perkampungan Kg. Minusoh yang dikelilingi dengan kawasan bukit bukau	66
Foto 3.10:	Sebahagian kawasan petempatan penduduk di Kg. Minusoh	66
Foto 3.11:	Klinik kesihatan di Kg. Minusoh	68
Foto 3.12:	Sungai yang menjadi tempat penduduk kampung mandi, membasuh pakaian dan sebagainya	69
Foto 3.13:	Cara penjagaan padi iaitu pakaian digantungkan bagi tujuan menghalau burung yang datang untuk memakan padi	75
Foto 3.14:	<i>Linggaman</i>	76
Foto 3.15:	Penyelidik menuai padi bersama dengan penduduk kampung di ladang padi En. Patrick di Kg. Minusoh	76
Foto 3.16:	Padi yang telah dipijak disimpan di dalam karung sebelum dimasukkan ke pondok simpanan padi	78
Foto 3.17:	Padi di jemur di bawah matahari bagi memudahkan kerja mengisar padi	78
Foto 3.18:	Tapak <i>tamu</i> di mana menjadi tempat penduduk kampung menjual hasil pertanian	82
Foto 3.19:	Kawasan penternakan ikan kolam sangkar di Kg. Kiliwatong	83
Foto 3.20:	Kawasan ladang kelapa sawit penduduk kampung	84
Foto 4.1 :	Gong yang menjadi <i>buru</i> wajib atau kepala <i>buru</i> dalam komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	118
Foto 4.2 :	Tajau yang dijadikan sebagai <i>buru</i> dalam komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau	119
Foto 4.3 :	Keranda yang diberikan oleh pihak lelaki kepada ibu atau bapa si perempuan sebagai <i>rait</i>	120

Foto 4.4:	Penentuan jumlah berian selesai dijalankan setelah mendapat persetujuan kedua-dua pihak lelaki dan perempuan	125
Foto 4.5:	Gelang <i>sulau</i> sebagai tanda tunang dalam komuniti Sinobu dan Sukang	137
Foto 4.6:	<i>Sidom</i> sebagai tanda tunang dalam komuniti Rumanau	137
Foto 4.7:	Perkahwinan dalam komuniti Sinobu	148
Foto 4.8:	Pakaian tradisional komuniti Rumanau untuk kaum lelaki dan wanita	155
Foto 4.9:	Alat muzik iaitu <i>kulintangan</i> dimainkan sebagai muzik selingan semasa majlis perkahwinan dilangsungkan oleh komuniti Sukang di Kg. Entilibon Asal	163
Foto 4.10:	Busana yang dipakai dalam perkahwinan pada masa sekarang	165
Foto 5.1 :	Gereja Anglikan Epiphany di Tongod	176
Foto 5.2 :	Upacara perkahwinan yang dilakukan di gereja dan dikendalikan oleh Paderi	179



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN / SIMBOL

AJK	Ahli Jawatan Kuasa
En.	Encik
Pn.	Puan
Kg.	Kampung
Sg.	Sungai
LIGS	Lembaga Industri Getah Sabah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SK.	Sekolah Kebangsaan



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Sabah merupakan sebuah negeri yang sangat kaya dengan pelbagai kebudayaan. Kemajmukan etnik yang tinggal di Sabah menambahkan lagi seri budaya yang masih kuat diamalkan oleh setiap masyarakatnya. Setiap etniknya juga mempunyai keunikan budaya tersendiri yang dapat dilihat melalui pengamalan kebudayaan yang berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain (Siti Aidah, 2011). Kebudayaan dan adat resam yang diamalkan ini merupakan lambang keunikan, identiti, keunggulan dan juga menjadi medium perpaduan masyarakat tersebut. Ini menunjukkan setiap masyarakat mempunyai kebudayaan walaupun sederhananya kebudayaan tersebut dan setiap manusia adalah makhluk berbudaya apabila mengambil bahagian atau turut serta dalam sesuatu kebudayaan.

Pelbagai kebudayaan yang diamalkan oleh setiap etnik meliputi keseluruhan aspek kehidupan seseorang individu. Kebudayaan tersebut meliputi adat bersalin, perkahwinan, kematian, membuat rumah, penanaman padi atau aktiviti berladang dan banyak lagi aspek-aspek kehidupan serta amalan yang lain. Dalam penulisan ini, kebudayaan yang akan dibincangkan oleh pengkaji adalah memfokuskan kepada amalan perkahwinan. Amalan perkahwinan ini dipilih sebagai satu kajian kerana perkahwinan adalah antara amalan terpenting yang secara umumnya diamalkan oleh semua masyarakat di dunia (Ember dan Ember, 2003). Tambahan pula, pada masa sekarang terdapat banyak perubahan yang berlaku sehingga banyak amalan lama tidak lagi dijalankan sepenuhnya. Oleh itu, adalah penting untuk melakukan kajian ini agar dokumentasi amalan perkahwinan tradisional dapat dilakukan.

Perkahwinan merupakan salah satu kebudayaan yang diamalkan oleh semua masyarakat. Apa yang membezakannya adalah bagaimana cara diamalkan dan juga peraturan-peraturan serta proses-proses yang perlu dilalui seperti mana yang telah ditentukan (Harris dan Johnson, 2003). Ia adalah berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain sesuai dengan cara atau norma dalam kehidupan masyarakat tersebut. Daripada keadaan ini, dapat dilihat bahawa terdapat variasi antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain (Ember dan Ember, 2003).

Oleh itu, kajian ini adalah mengenai variasi-variasi yang terdapat dalam perkahwinan tradisional tiga buah komuniti iaitu Sinobu, Sukang dan Rumanau di Ulu Kinabatangan, Sabah. Latar belakang bagi setiap komuniti ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 3. Selain itu, kajian ini juga adalah berkenaan dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam upacara perkahwinan komuniti ini pada masa sekarang (semasa kajian dilakukan) dan juga faktor kepada perubahan yang berlaku.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Pada masa ini, usaha-usaha untuk memulihara budaya tradisional semakin mendapat perhatian sehingga ke peringkat antarabangsa yang mana dilakukan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). Usaha ini dijalankan kerana banyak budaya atau amalan tradisional semakin hilang, pupus dan mungkin boleh menyebabkan kepada kehilangan identiti dalam jangka masa panjang (Jamilah Bebe *et. al.*). Salah satu aspek budaya yang penting dalam pengekalan identiti adalah dalam amalan perkahwinan iaitu merupakan satu ritual penting untuk kesinambungan sesebuah masyarakat (Ferraro dan Andreatta, 2017). Ini amat penting kerana identiti sesebuah masyarakat dapat dilihat melalui amalan perkahwinan masyarakat tersebut.

Oleh itu, sebaik-baiknya amalan tradisional dalam sesebuah komuniti seharusnya sentiasa terjaga dan terpelihara. Ini kerana amalan tradisi merupakan satu warisan yang perlu dihargai kerana ia merupakan dasar dalam membentuk identiti sesebuah masyarakat sehingga dikenali oleh komuniti yang lain. Tambahan pula setiap masyarakat mempunyai kebudayaannya yang tersendiri yang berbeza

antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain (Rohana, 1996). Begitu juga dengan komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanu yang mana ketiga-tiga komuniti ini mempunyai amalan perkahwinan mereka yang tersendiri serta unik. Amalan perkahwinan tersebut adalah diwarisi sejak daripada nenek moyang dengan harapan generasi muda yang menjadi pewarisnya dapat menjaga serta memeliharanya. Ini kerana amalan perkahwinan yang diamalkan mempunyai signifikannya yang tersendiri terhadap kehidupan mereka yang mengamalkannya.

Namun, secara realitinya tidak semua budaya dapat dikekalkan serta terpelihara. Apatah lagi perubahan adalah merupakan sifat penting sesuatu kebudayaan dan semua masyarakat juga pasti mengalaminya sama ada ianya berlaku dengan cepat atau pun lambat. Perubahan kebudayaan adalah merupakan satu proses di mana terdapat bahagian-bahagian atau aspek-aspek kebudayaan itu diubahsuai dari semasa ke semasa (Ting, 1979). Komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau juga tidak terkecuali daripada mengalami perubahan yang dapat dilihat jelas dalam amalan perkahwinan komuniti ini pada masa sekarang (semasa kajian dijalankan).

Perubahan yang berlaku akhirnya mengakibatkan komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau kehilangan keaslian budaya asal komuniti mereka khususnya dalam amalan perkahwinan. Perkahwinan yang dijalankan pada masa kini bukan lagi mengikut sepenuhnya pengamalan atau upacara perkahwinan tradisional. Terdapat banyak amalan perkahwinan tradisional yang tidak lagi diamalkan kerana telah digantikan dengan cara serta amalan yang baru. Secara tidak langsung iaitu dalam jangka masa panjang, keadaan ini boleh menyebabkan budaya khususnya amalan perkahwinan komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau akan hilang pada masa akan datang. Adalah penting untuk mengekalkan amalan perkahwinan tradisional terutamanya amalan yang masih relevan dan bersesuaian dengan keadaan pada masa sekarang. Ini kerana amalan tradisional melambangkan identiti sesebuah masyarakat khususnya di Sabah yang terdiri daripada pelbagai suku kaum.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengetahui variasi dan perubahan yang telah berlaku dalam amalan perkahwinan komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau pada masa sekarang. Selain itu, faktor kepada perubahan yang berlaku juga diteliti

bagi melihat apakah sebenarnya yang telah menyebabkan kepada perubahan dalam amalan perkahwinan ketiga-tiga komuniti ini.

### **1.3 Soalan Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik akan menjawab persoalan-persoalan yang berikut iaitu:

1.3.1 Apakah variasi dan perubahan yang terdapat dalam amalan perkahwinan tradisional komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau di Ulu Kinabatangan?

1.3.2 Apakah faktor yang menyebabkan kepada perubahan dalam amalan perkahwinan komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau?

### **1.4 Objektif Kajian**

Tujuan utama penyelidikan ini dijalankan adalah untuk:

1.4.1 Mengetahui variasi dan perubahan yang terdapat dalam amalan perkahwinan tradisional komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau di Ulu Kinabatangan.

1.4.2 Mengetahui faktor yang menyebabkan kepada berlakunya perubahan dalam amalan perkahwinan komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau.

### **1.5 Skop Kajian**

#### **1.5.1 Bidang Kajian**

Kajian yang dilakukan ini adalah merupakan bidang kajian antropologi budaya (etnografi). Budaya yang diteliti dalam kajian ini adalah memfokuskan kepada amalan perkahwinan dalam komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau di Ulu Kinabatangan, Sabah.

#### **1.5.2 Skop Penyelidikan**

Kajian ini menumpukan kepada variasi yang terdapat dalam amalan perkahwinan tradisional komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau. Ketiga-tiga komuniti ini dipilih kerana mereka adalah komuniti yang berbeza (dalam konteks kajian ini berbeza sub-etnik) dan ini sesuai dengan tujuan penyelidikan dilakukan iaitu untuk melihat

sama ada terdapat variasi dalam amalan perkahwinan komuniti yang dipilih atau sebaliknya.

Variasi-variasi yang telah dilihat adalah dari aspek bentuk pemilihan pasangan (exogami atau endogami), bentuk perkahwinan (poligami atau monogami), amalan berian, peringkat atau proses-proses perkahwinan dilaksanakan dan petempatan perkahwinan. Kemudiannya, aspek yang sama juga ditinjau semula dalam melihat perubahan-perubahan yang berlaku dalam amalan perkahwinan komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau pada masa kini. Seterusnya, kajian ini juga meneliti faktor-faktor kepada perubahan amalan perkahwinan tradisional dalam komuniti Sinobu, Sukang dan Rumanau.

### **1.5.3 Lokasi kajian**

Kajian ini dijalankan di Daerah Tongod, Sabah (lihat Rajah 1.1). Daerah Tongod merupakan sebuah daerah di kawasan pedalaman yang terletak di Bahagian Sandakan. Daerah ini bersempadan dengan lapan buah daerah iaitu Ranau, Beluran, Kinabatangan, Lahad Datu, Tawau, Nabawan, Keningau dan Tambunan. Kedudukan daerah ini yang terletak benar-benar di tengah-tengah Negeri Sabah sehingga daerah ini dikenali sebagai Heart of Sabah. Tiga buah kampung telah dipilih sebagai kawasan kajian iaitu Kg. Kiliwotung, Kg. Entilibon Asal dan juga Kg. Minusoh yang terletak di kawasan Ulu Kinabatangan. Tempat kajian ini dipilih kerana di setiap kampung ini mempunyai komunitinya yang berbeza iaitu komuniti Sinobu di Kg. Kiliwotung, komuniti Sukang di Kg. Entilibon Asal dan komuniti Rumanau di Kg. Minusoh (diterangkan lebih lanjut di Bab 3).